

Pandang ke Timur tak tolak Barat

© Dr. Mahathir - oversea trips.

Daripada

JOHAN JAAFFAR

U.M. - 9 JUL 1994

PARIS 8 Julai — Malaysia tidak pernah menolak Barat apabila melaksanakan Dasar Pandang ke Timur.

Malaysia berpendapat bahawa dasar memandangi ke Timur adalah kebijaksanaan baru untuk memberi pilihan kepada ketaksuban pada Barat sejak sekian lama.

"Banyak nilai Timur yang boleh dicontohi kerana nilai-nilai ini dekat dengan kita," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata demikian sewaktu menemui

wartawan Malaysia di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menolak dakwaan bahawa Malaysia sudah mulai mengubah Dasar Pandang ke Timur.

"Dari dulu saya tegas, walaupun kita melihat ke Timur, kita tidak harus menolak Barat.

"Dulu kita terlalu mengkagumi Barat hingga melupakan nilai-nilai baik seperti etika kerja dan kerajinan masyarakat Timur," ujarnya.

Beliau berpendapat Malaysia sudah mencapaiimbangan yang baik di antara Barat dengan Timur.

Dr. Mahathir yang dalam rangka lawatan ras-

mi ke Perancis selama empat hari juga berpendapat dasar yang sebaik-baiknya buat Malaysia ialah "mempelbagaikan hubungan antarabangsa."

"Lebih banyak negara yang kita ada hubungan yang rapat, adalah lebih baik," katanya.

Menumpukan

Menurut beliau, pada masa dahulu Malaysia hanya menumpukan perhatian kepada negara-negara seperti Britain sahaja.

"Masih ada ruang untuk meningkatkan hubungan dengan negara seperti Perancis.

"Kita tidak harus

mengikat diri hanya dengan satu negara sahaja."

Beliau berpuas hati bahawa Perancis juga mempunyai dasar baru untuk

mendekatkan dirinya dengan Asia.

"Kita berharap dasar ini akan menguntungkan.

"Kekuatan kami ialah

ekonomi domestik yang kukuh, kemudahan sistem kewangan, dasar perdagangan antarabangsa, kerajaan yang stabil, pe-

ngurusan pembangunan yang baik dan kerajaan yang secara terbuka pro-pertiagaan," tegasnya. — Utusan.